

9 Oktober 2025

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera



GENCATAN SENJATA DI GAZA MESTI DIPATUHI – AKSES BANTUAN TANPA SEKATAN DIPERLUKAN SEKARANG

Pengumuman mengenai persetujuan Israel dan Hamas terhadap fasa pertama perjanjian gencatan senjata merupakan satu langkah penting ke arah keamanan. Namun, keputusan itu dibuat terlalu lewat selepas dua tahun kekejaman tanpa henti yang telah dinilai dan disahkan oleh panel pakar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai tindakan genosid terhadap rakyat Palestin di Gaza.

Walau bagaimanapun, cabaran sebenar terletak pada pelaksanaannya selepas ini. Dunia tidak boleh lagi menyaksikan harapan palsu dan janji kosong. Para pemimpin dunia mesti memastikan serangan sistematik Israel, pengusiran dan kebuluran terhadap orang awam berakhirnya sepenuhnya, serta memastikan semua sekatan terhadap akses kemanusiaan segera dihentikan supaya bantuan penting dapat sampai kepada rakyat Gaza. Sebarang perjanjian yang dicapai sebelum ini tidak boleh lagi mengukuhkan kawalan Israel terhadap Gaza.

Keamanan yang berkekalan hanya dapat dicapai apabila wujud keadilan dan akauntabiliti, tiada lagi kekebalan bagi pelaku jenayah, serta penghormatan sepenuhnya terhadap undang-undang antarabangsa. Keamanan hanya boleh diwujudkan apabila keselamatan, hak dan maruah semua pihak dihormati dan ini hanya akan berlaku apabila penjajahan haram Israel di bumi Palestin berakhir.

Keperluan paling mendesak ketika ini ialah memastikan bantuan kemanusiaan segera disalurkan ke Gaza. Tiada masa untuk disia-siakan kerana setiap hari kanak-kanak sedang mati kebuluran akibat bencana kelaparan yang dicipta oleh manusia, manakala rumah, hospital, sekolah dan perkhidmatan penting lain kini hanya tinggal runtuh. Pengumuman hari ini semata-mata tidak akan menghentikan kebuluran tersebut. Islamic Relief bersedia untuk memperluas operasi bantuan kecemasan dan membantu usaha pemulihan sebaik sahaja sekatan terhadap akses kemanusiaan dihentikan.

Masyarakat antarabangsa mesti memastikan komitmen baharu ini dipatuhi dan pihak-pihak yang melanggar perjanjian perlu dipertanggungjawabkan. Keadaan seperti gencatan senjata yang dicabuli sebelum ini iaitu apabila Israel menyambung semula

pengeboman dan menutup semua bantuan kemanusiaan selepas hanya beberapa minggu tidak boleh dibiarkan berulang. Israel juga tidak boleh dibenarkan menggunakan peluang ini untuk meningkatkan serangan dan pelanggaran hak rakyat Palestin di Tebing Barat. Dunia mesti bertindak sekarang untuk memastikan detik ini tidak disia-siakan dan membuka jalan ke arah keamanan yang berkekalan.

-TAMAT-

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu lebih 145 juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan Pembangunan terbesar di dunia.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di Rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my

Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my